

**TUAN GURU HAJI ABDUL LATIF BIN ABDUL RAHMAN (1938 –2010 ):  
SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT PENGGALAN HULU PERAK**Ismail bin Ibrahim<sup>1</sup>Abd. Rahman bin Abd. Ghani Ph.D<sup>2</sup>**Abstrak**

*Kajian ini bertujuan untuk meneliti sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif pada masyarakat Pengkalan Hulu. Beliau merupakan anak tempatan yang berbakti kepada penduduk terutama dalam bidang pendidikan. Oleh kerana jasanya yang besar kepada penduduk Pengkalan Hulu maka beliau dipilih sebagai tokoh Maal Hijrah 1414 peringkat negeri Perak. Terdapat dua objektif utama dalam kajian ini iaitu pertama untuk mengetahui sumbangan beliau kepada masyarakat setempat dan yang kedua pula ialah untuk mengetahui metode dakwah nya di Pengkalan Hulu. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui pendekatan yang diguna pakai oleh beliau ketika menjalankan aktiviti dakwah nya. Dalam menyelesaikan dan menyempurnakan kajian ini, dua metode digunakan iaitu metode perpustakaan dan temu bual bagi memperoleh maklumat berkaitan tajuk yang sedang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa beliau berjaya dalam usaha dakwah nya dengan menggunakan pendekatan secara lembut terutama ketika berdakwah kepada kumpulan ajaran sesat yang dikenali sebagai Islam Jamaah. Kajian terhadap beliau amat penting kerana sikap dan keperibadian yang ditunjukkannya amat susah untuk dicontohi kecuali kepada mereka yang benar-benar ikhlas dalam mempelajari ilmu beramal dengannya. Implikasi daripada kajian ini, bagi mereka yang menceburkan diri dalam ilmu dan dakwah amat perlu mencontohi sikap, keperibadian dan pendekatan yang digunakannya malahan pendekatan tersebut bertepatan dengan al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW.*

**Kata Kunci:** Tuan Guru Haji Abdul Latif, Sumbangan dan Pengaruhnya, Masyarakat Pengkalan Hulu

**PENGENALAN**

Tuan Guru Haji Abdul Latif bin Abdul Rahman adalah salah seorang intelektual Islam yang mekar harum namanya di negeri Perak. Beliau juga ialah pengasas Madrasah Al-Diniah Al-Latiffiah yang terletak di Pengkalan Hulu. Kewujudan Madrasah atau pondok ini berupaya mengembangkan pendidikan Islam dalam masyarakat Muslim, namun jumlah guru-guru agama masih berkurangan dan tidak dapat menampung pengajaran pendidikan Islam kepada masyarakat setempat. Isunya ialah kesan kurang mendapat pendidikan agama menyebabkan amalan khurafat dan kepercayaan karut masih diamalkan oleh masyarakat di Pengkalan Hulu.

Kerana itu pengkaji merasakan kajian ini amat penting untuk mengetengahkan kepada pembaca, sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif pada masyarakat Pengkalan Hulu. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui sumbangan beliau dan pengaruhnya di Pengkalan Hulu. Beliau seorang yang tidak pernah kenal erti jemu dalam kehidupannya lalu pada tahun 1993 Sultan Perak berkenan menganugerahkan beliau pingat kebesaran Darjah Paduka Mahkota Perak yang membawa gelaran Dato'. Beliau juga terpilih sebagai Tokoh Maal

---

<sup>1</sup>Penulis merupakan pelajar Sarjana Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

<sup>2</sup>Penulis merupakan Prof. Madya Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Hijrah 1414 dalam majlis peringkat negeri Perak, sekali gus mengangkat Haji Abdul Latif ahli jawatankuasa majlis fatwa negeri Perak 1992-2010.

## PENDAHULUAN

Sewaktu zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah<sup>3</sup> terdapat seorang guru agama yang bernama Syeikh Ibrahim Mahmud,<sup>4</sup> beliau telah mendirikan sebuah pusat pengajian di Bota Kanan, Parit Perak. Hal ini menunjukkan bahawa pengajian pondok telah wujud di negeri Perak pada kurun ke- 17 lagi.<sup>5</sup> Pengajian pondok terus berkembang di negeri ini pada awal kurun ke-19 dengan penubuhan beberapa buah pondok lain seperti Pondok Batu Hampar, Pondok Lubuk Merbau dan Pondok Malim Nawar. Manakala pada tahun 1930-an dua buah pondok orang banjar pula dibina iaitu di Kuala Kurau dan Tanjung Piandang.<sup>6</sup>

Pengajian pondok semakin berkembang pesat di negeri Perak dengan tertubuhnya Madrasah Al-Diniah Al-Latiffiah (Pondok Pak Teh). Pengasas pondok ini adalah seorang ulama terkenal yang bernama Tuan Guru Haji Abdul Latif bin Abdul Rahman atau lebih dikenali dengan panggilan “Pak Teh”. Dalam kajian biografi Tuan Guru Haji Abdul Latif ini, pengkaji akan mengulas beberapa sub topik yang akan dimulakan dengan latar belakang kehidupan, pendidikan serta keperibadian beliau dan lain-lain. Kajian ini juga turut menceritakan perkahwinan beliau bersama pasangannya atau lebih mudah dikatakan, memperhalus latar belakang kehidupan beliau bermula dari kelahiran sehingga menemui penciptanya yang Maha Esa.

Pengkaji merasakan bahawa mengambil pengajaran dari perjuangan seseorang yang tidak pernah kenal erti jemu ini adalah salah satu sifat orang-orang yang beriman kerana terdapat ayat suci al-Quran yang bermaksud “ingatlah hari atau peristiwa”. Terdapat juga ayat-ayat lain yang turut membawa maksud yang sama iaitu “tidakkah kamu memikirkan”. Kalimat-kalimat tersebut merupakan suruhan Allah kepada mereka yang beriman supaya mengingati sesuatu peristiwa yang berlaku.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Bariyah dan Ishak Saat (2015) lagi, proses perkembangan Islam bermula dengan sumbangan yang dimainkan oleh ulama dan kemudian sumbangan institusi pondok serta melahirkan *worldview* Melayu baru yang berteraskan Islam. Malah ia juga berjaya melahirkan kesatuan pemikiran dalam kalangan orang Melayu Islam yang bersifat terbuka dan berfikiran rasional ketika berhadapan dengan masyarakat majmuk.<sup>7</sup>

<sup>3</sup>Sultan Muzaffar Shah berasal dari Kampar, Sumatera, Indonesia. Baginda telah di tabal menjadi Sultan Perak yang pertama pada tahun 1528 Masihi. Baginda telah memerintah Perak dari tahun 1528 hingga 1549masihi iaitu dua puluh satu tahun. Pusat pemerintahan Baginda waktu itu di ‘Tanah Abang’ dan sekarang dikenali sebagai Teluk Bakong di mukim Bota, Parit, Perak. Baginda mangkat pada tahun 1549 dan dimakamkan di Tanah Abang. Lihat Ahmad Fawzi Mohd Basri (1986), *Cempaka Sari Sejarah KesultananNegeri Perak*, c.1, Ipoh: Yayasan Perak, h. 15, 16.

<sup>4</sup>Syeikh Ibrahim Mahmud ialah seorang guru agama yang berasal dari Kampar, Sumatera Indonesia. Beliau menetap di Bota Kanan sebuah perkampungan di kawasan Parit, Perak. Beliau telah mendirikan sebuah pusat pendidikan dengan keizinan Sultan Muzaffar Syah. Lihat: Institut pendidikan al-Quran di Malaysia. Hal 47.Lihat Lihat Badriyah Haji Saleh (1984) *Kampung Haji Saleh Dan Madrasah Saadiah-Salahiah1914-1959*. Hal xxiv

<sup>5</sup>Mohd Yusof Ahmad (2015) Institut pendidikan al-Quran di Malaysia.C 1.Selangor. Hal 48

<sup>6</sup>Mohd Yusof Ahmad (2015) Institut pendidikan al-Quran di Malaysia.C 1.Selangor. Hal 48

<sup>7</sup>*Ibid*. Hal 25

Bariyah dan Ishak Saat turut menyatakan bahawa sumbangan ulama amat besar dan berterusan dalam memastikan aqidah dan amalan umat Islam berada pada landasan yang benar.<sup>8</sup> Masalahnya ialah penulisan terhadap sumbangan ulama masih berkurangan. Kenyataan pengkaji turut disokong oleh kajian Bariyah dan Ishak Saat yang menyatakan penulisan tentang peranan besar ulama sebagai pemimpin masyarakat bawahan kurang diberi tumpuan.<sup>9</sup>

Manakala menurut al-Sayyid Nawfal (1977) mengatakan bahawa kesan kurang penghayatan agama dalam hidup menyebabkan, masyarakat melakukan perkara yang merosakkan agama seperti amalan bidaah dan khurafat.<sup>10</sup> Isunya ialah masyarakat Pengkalan Hulu suatu ketika dahulu turut melakukan amalan khurafat dan kepercayaan karut seperti mandi safar dan melenggang perut.<sup>11</sup>

Selain dari itu al-Quran menerangkan kepada kita bahawa metod penyampaian perlulah bersesuaian dengan kumpulan sasaran. Firman Allah SWT:

لِّمَنْ أَعْلَمُ هُورَبَّكَ إِنَّ أَحْسَنُ هِيَ بِأَلَّتِي وَجَدَلَهُمُ الْحَسَنَةَ وَالْمَوْعِظَةَ بِالْحِكْمَةِ رَبِّكَ سَبِيلٌ إِلَىٰ أَدْعُ  
بِالْمُهْتَدِينَ أَعْلَمُ وَهُوَ سَبِيلُهُ عَنِ ض

Maksudnya :

*Seru lah ke jalan Tuhan mu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahas lah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhan mu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

Dapatlah difahami bahawa metode yang dinyatakan dalam ayat seperti *hikmah, maw`izah hasanah* dan *mujadalah* diatas amat sesuai digunakan oleh pendakwah kepada kumpulan sasaran.

Permasalahannya ialah menurut Abdul Munir Ismail (2014) dakwah yang bersesuaian untuk dilaksanakan kepada masyarakat ialah dengan *hikmah, maw`izah al-hasanah* dan *mujadalah bi al-lati hiya ahsan*.<sup>12</sup> Bertitik tolak daripada permasalahan di atas, mendorong pengkaji untuk mengetahui apakah metode dakwah yang digunakan oleh Tuan Guru Haji Abdul Latif sehingga berjaya menjadikan masyarakat Pengkalan Hulu bebas dari amalan khurafat dan kepercayaan karut.

<sup>8</sup>Ibid. Hal 14

<sup>9</sup>Bariyah Bt. Hj Basiran dan Ishak Saat (2015) *Ulama dan Politik Kedah 1842 – 1960*. Tanjong Malim. UPSI. Hal 21

<sup>10</sup> Nawfal, Abu al-Majd al-Syyid Nawfal, (1997) *al-Da`wat ila Allah Ta`ala, al-Taktabah al- Arabiah*, t.p. hal 121

<sup>11</sup>Muhammad Hafizi Abu Hassan (2013 ) *Sejarah Pengkalan Hulu : Satu kajian tentang masalah sosial dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim*. 1970 – 1990-an. Hal 43

<sup>12</sup>

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi menjelaskan beberapa perkara berikut:

1. Mengenal pasti sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif pada masyarakat Pengkalan Hulu.
2. Meneliti pendekatan Tuan Guru Haji Abdul Latif pada masyarakat Pengkalan Hulu.

## LATAR BELAKANG KEHIDUPAN

Nama sebenar Beliau ialah Abdul Latif bin Abdul Rahman. Beliau dilahirkan di kampung Tok Balai Kuak Hulu Kroh ( Pengkalan Hulu ) pada tahun 1938. Beliau adalah anak ke lima dari tujuh adik beradik seibu sebapa. Nama adik beradik beliau ialah, Qasim, Aishah, Razali, Luqman, Abdul Latif, Rahiman dan Samsudin. Ayahnya bernama Abdul Rahman bin Abdullah berketurunan India yang berasal dari Sri Langka. Ayahnya adalah seorang guru agama yang di hormati lagi disegani di kampungnya. Memandangkan ayahnya seorang yang sangat berpegang kepada ajaran Islam maka keluarganya dididik agar mengagungkan Islam. Ibunya pula bernama Fatimah binti Abdullah berketurunan Melayu Pattani.

Tuan Guru Haji Abdul Latif mendirikan rumah tangga pada tahun 1967 dengan seorang gadis jelita dan anak kepada seorang hartawan di kampungnya yang bernama Halimatus Sa`adiah binti Yusof.<sup>13</sup> Hasil perkongsian hidup di kurniakan sepuluh orang cahaya mata iaitu Ishaq Syirazi, Zakaria Ansori, Subhiyyah, Raiyyah, Qusairy, Basnawiyati, Zamaksyari, Bukhari, Abdul Rahman dan Mustashfa.

## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Tuan Guru Hj. Abdul Latif bin Abdul Rahman mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kuak Luar, Pengkalan Hulu sehingga darjah 5 pada tahun 1947 sehingga 1953. Sejak kecil lagi beliau telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap ilmu agama. Pernah beliau tidak menghadiri diri ke sekolah dan duduk dalam sebuah surau di kampungnya sambil menghafal sebuah buku.<sup>14</sup>

Beliau mula menghafaz kitab-kitab agama dengan bimbingan Ustaz Omar Bin Mohd Noh yang merupakan seorang guru agama di kampungnya. Tuan Guru Hj. Abdul Latif bin Abdul Rahman merupakan seorang pelajar yang pintar kerana berpeluang melanjutkan pelajarannya ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, namun atas faktor kemiskinan keluarga beliau tidak meneruskannya.<sup>15</sup> Beliau melanjutkan pengajian menengah di Sekolah Arab (sistem pondok) yang terletak di Pokok Asam Kedah Darul Aman pada tahun 1956 hingga 1959 bersama rakan karibnya yang bernama Hashim.<sup>16</sup>

<sup>13</sup>Temu bual bersama Ishaq syirazi bin Abdul Latif ( anak sulong Pak Teh ). Pada 6hb.Feb.2018 jam 2.30 ptg bertempat di Pondok Pak Teh.

<sup>14</sup>Temu bual bersama Ustaz Fahmi bin Abdul Khair. Pada 5hb, Feb 2018 jam 11.45 pagi bertempat di Maahad Tahfiz dan Kemu`jizatan Sains air jernih Gerik, Perak.

<sup>15</sup>Latifah Abdul Majid at.all (2011) *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV 25-26 November*. Hal 243

<sup>16</sup>Temu bual bersama Ishaq syirazi bin Abdul Latif ( anak sulong Pak Teh ). Pada 6hb.Feb.2018 jam 2.30 ptg bertempat di Pondok Pak Teh.

Semasa dalam tempoh pengajiannya di pondok tersebut, beliau telah mengkhatamkan banyak kitab antaranya *Minhajul Abidin (tasawuf)*, *Mughni Muhtaj (feqah)*, *Muwatta' Imam Malik (hadith)*, *Fathul Muin*, *Fathul Wahhab*, *Tafsir Nasafi* dan banyak lagi.<sup>17</sup>

Kerana minat yang mendalam terhadap ilmu Islam mendorongnya menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di Sekolah Agama Pasir Tumbuh Kelantan juga bersama rakan karibnya. Dalam tempoh pengajiannya, beliau telah menuntut dengan seramai seratus 20 guru antaranya ialah Tuan Guru Mohamad Saman, Tuan Guru Abdul Rahman Ahmad, Tuan Guru Sulaiman Mohd Rabik, Tuan Guru Haji Abdul Aziz, Tuan Guru Haji Mustafa dan Tuan Guru Hashim Abu Bakar.<sup>18</sup>

Sepanjang tempoh itu jugalah beliau menempuh pelbagai kesusahan termasuk berpisah dengan ahli keluarga dan jarang pulang ke kampung. Tuan Guru juga turut tidak pulang ke kampung semasa kematian kedua orang tuanya. Kesedihan amat dirasakan atas kematian ibu dan ayahnya sehinggakan pernah beliau memberhentikan pengajian serta-merta terutama bila mengajar bab yang berkaitan buat baik kepada ibu dan bapa.<sup>19</sup>

### SIFAT-SIFAT KEPERIBADIAN

Nabi Muhammad SAW merupakan contoh ikutan yang baik kepada umat Islam. Perkara ini turut di sebut dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

كثيراً اللّٰهُ وَذَكَرَ الْآخِرَ وَالْيَوْمَ اللّٰهُ يَرْجُوْا كَان لِمَنْ حَسَنَةً اَسْوَةٌ اللّٰهِ رَسُوْلٍ فِيْكُمْ كَان لَقَدْ

Maksudnya :

*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap ( keredaaan ) Allah dan ( balasan baik ) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak ( dalam masa susah dan senang).*

(Surah al-Ahzab: ayat 21)

Berasaskan kepada dalil di atas, maka pada bab ini pengkaji akan menghuraikan keperibadian Tuan Guru Haji Abdul Latif berpandukan data-data yang diperoleh menerusi temu bual dan bahan bacaan. Antara hasil yang diperoleh, pengkaji mendapati bahawa Tuan Guru Hj. Abdul Latif bin Abdul Rahman merupakan seorang pelajar yang pintar kerana berpeluang melanjutkan pelajarannya ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, namun atas faktor kemiskinan keluarga beliau tidak meneruskannya.<sup>20</sup> Kehidupan dalam serba kekurangan yang membentuk jiwa Tuan Guru menjadi hebat. Kerana kehebatan seseorang tokoh biasanya dibentuk oleh keadaan dan persekitaran awal yang melingkungi kehidupan awalnya. Pendedahan kepada cabaran dan interaksinya dengan persekitaran banyak mempengaruhi

<sup>17</sup>Temu bual bersama Mohd Zairil bin Saharuddin, pada 23 Jun 2017 jam 5.30 petang bertempat di rumahnya Kg Bermin Tapah Perak.

<sup>18</sup>Temu bual bersama Ishaq syirazi bin Abdul Latif. *Op.cit*

<sup>19</sup>Temu bual bersama Mohd Zairil. *Op.cit*

<sup>20</sup>Latifah Abdul Majid at.all (2011) *Op.cit*

ketokohan seseorang individu itu.<sup>21</sup> Dengan melihat kepada latar belakang kekurangan keluarga tidak hairanlah bagaimana beliau kemudiannya menjadi ulama yang berani, tegas, berpendirian, bersejajanya dalam kehidupan dan tidak suka bermewah-mewahan.

Sebagai tokoh ilmuwan yang amat cintakan ilmu pengetahuan, masa lapangnya diisi dengan pelbagai aktiviti yang berfaedah. Menurut Fahmi (2017), beliau pernah mengalami kecederaan teruk akibat kemalangan jalan raya, namun kerana semangat yang kuat dan cintakan ilmu, beliau tetap bangun mengajar ilmu walaupun terpaksa dipapah.<sup>22</sup> Beliau tidak suka membazirkan waktunya dengan berbual kosong. Beliau juga adalah seorang yang bersikap terbuka terhadap pendidikan dengan memberi kebebasan kepada anak-anaknya memilih bidang masing-masing. Atas keterbukaan ini menyebabkan penduduk kampung berasa tidak senang hati kerana menghantar anaknya ke sekolah aliran sekular. Di samping sifat keterbukaan nya, beliau amat terkenal dengan ketegasannya kerana tidak segan untuk menegur sesiapa sahaja yang telah membuat pekerjaan yang bertentangan dengan ajaran Islam baik kanak-kanak mahupun orang dewasa.<sup>23</sup>

Pernah suatu hari setelah pulang ke kampung halamannya dari menimba ilmu di Kelantan, beliau menegur masyarakat kampung yang mengadakan adat lenggang perut. Oleh kerana masyarakat mengetahui ketinggian ilmu beliau, terus mereka meninggalkan amalan tersebut. Beliau juga pernah menegur penduduk setempat yang membuat amalan khurafat seperti menjamu jin dengan meletakkan sedikit makanan di pokok buluh berdekatan dengan sungai. Sikap berterus terang ini menyebabkan Tuan Guru amat disegani oleh masyarakat setempat.<sup>24</sup> Selain dari itu Tuan Guru juga adalah seorang yang sangat teliti dalam setiap butir perkataan yang dituturkan nya dan sangat suka memberi nasihat kepada sesiapa yang menghendaknya. Tuan Guru akan memberi nasihat melalui contoh-contoh teladan yang baik dan amat sukar untuk dicontohi. Antaranya ialah meraikan penduduk setempat, seperti contoh terdapat 10 rumah mengundangnya ke majlis kenduri, beliau akan menghadiri kesemua jemputan tersebut walaupun sedang berpuasa.<sup>25</sup>

Beliau juga disifatkan sebagai seorang yang *tawaduk*. Kelebihan yang dikurniakan Allah SWT kepadanya tidak sedikit pun menjadikan dirinya seorang yang bersifat sombong dan megah diri. Sebagai seorang intelek dalam pelbagai disiplin ilmu seperti feqah dan tasawuf, menjadikan kehidupannya amat sederhana, sesuai dengan kehendak agama Islam yang mahukan umatnya sentiasa dalam kesederhanaan. Ke mana sahaja beliau pergi, beliau

<sup>21</sup> Mohamad Kamil Ab Majid & Muhammed Yusof (2015) *Biografi Ulama Malaysia, Dato' Muhammad Nor Ibrahim*. DBP Kuala Lumpur. Hal 24.

<sup>22</sup> Temu bual bersama Muhammad Fahmi bin Abdul Khair. *Op.cit*

<sup>23</sup> Temu bual bersama Ishaq syirazi bin Abdul Latif ( anak sulung Pak Teh ). Pada 6hb.Feb.2018 jam 2.30 ptg bertempat di Pondok Pak Teh.

<sup>14</sup> Adat melenggang perut kebanyakannya lebih difahami masyarakat Melayu di selatan semenanjung manakala di sebelah utara semenanjung lebih dikenali dengan panggilan kirim perut. Adat ini ialah suatu adat yang dijalankan ke atas seorang isteri yang telah genap tujuh bulan hamil dan ia bertujuan untuk meletakkan kedudukan bayi di dalam perut di tempat yang sepatutnya, iaitu bahagian kepala di pintu rahim. Lihat [https://ms.wikipedia.org/wiki/Melenggang\\_perut](https://ms.wikipedia.org/wiki/Melenggang_perut) (perlu ringkaskan huraian ini)

<sup>23</sup> Temu bual bersama Mohd Syukri bin Zulkifli pada 6hb.Feb.2018 jam 2.00 petang bertempat di Masjid Kampung Kuak Hulu.

<sup>24</sup> Temu bual bersama Ustaz Othman bin Mad Zain pada 6hb.Feb.2018 jam 2.30 ptg bertempat di rumahnya Kampung Kuak Luar Pengkalan Hulu

<sup>25</sup> Temu bual bersama Ustaz Mad Dali pada 7hb Feb 2018, Jam 11.25 pagi bertempat di perkarangan rumahnya di Kampung Kuak Hulu.

hanya memakai kain pelekat, berbaju Melayu atau berjubah dan memakai serban. Penampilan seperti ini adalah kesan daripada tarbiah salah seorang gurunya yang bernama Tuan Guru Haji Omar Zuhdi.<sup>26</sup>

Walaupun beliau seorang yang disegani dan dihormati di kampungnya, tidak pernah beliau memandang pangkat dan kedudukan seseorang. Suatu petang, beliau pergi menziarahi seorang tetangga yang tinggal berhampiran dengan pondok. Tuan rumah berasa segan dengan kehadirannya kerana rumahnya kecil. Mendengar kata-kata tuan rumah itu, beliau menyatakan “saya datang untuk menziarahi tuan rumah bukan rumahnya”.

Beliau juga sangat teguh pendiriannya terhadap perkara yang halal dan haram. Berpegang teguh dengan al-Quran, hadis, *ijma'* dan *qias*. Penentang pelaku maksiat dan ajaran sesat, tidak kira siapa sahaja yang melakukannya. Pernah suatu kumpulan ajaran sesat yang dikenali sebagai Islam Jamaah melakukan *tawajjuh*<sup>27</sup> di suatu kawasan atas bukit berhampiran dengan Kampung Kuak Luar. Apabila mengetahui kehadiran mereka, beliau terus datang dan berdialog dengan ketua kumpulan ajaran tersebut. Akhirnya mereka meninggalkan tempat tersebut.

Sebagai mudir di pondoknya, beliau sentiasa memberi nasihat supaya jangan meninggalkan suruhan Allah dan jangan melakukan segala tegahan Allah S.W.T. Beliau juga bertanggungjawab menjaga adab sopan tingkah laku serta tatatertib pelajarinya supaya tidak berlaku pergaulan bebas antara pelajar lelaki dan wanita. Antara adab sopan yang diterapkan kepada pelajar-pelajarnya ialah, mereka diarahkan duduk bersila dengan tertib ketika mendengar pengajarannya. Kesan penekanan terhadap adab sopan yang diterapkan, mereka menjadi terkenal dengan kesopannya. Penduduk kampung juga turut terkesan dengan kesopanan dan budi bahasa pelajarinya.

Sebagai seorang mudir yang menyayangi pelajarinya, beliau tidak suka pelajar-pelajarnya dilayan dengan buruk oleh penduduk setempat. Walaupun begitu, beliau tidak suka berbual-bual kosong dengan penduduk setempat dan pelajarinya. Beliau lebih suka ke kebun dari berbual-bual. Bila ditanya kenapa, beliau menjawab “kalau banyak berbual banyak mengumpat, lebih baik ke kebun boleh berbakti pada bumi dan hasilnya boleh dijual.”

Beliau seorang yang tidak mengharapkan sumbangan atau derma daripada masyarakat seperti zakat. Untuk membiayai kehidupannya, beliau berniaga hasil bumi seperti serai yang di taman di kebunnya. Manakala pendapatan yang diperoleh dari Jabatan Mufti sebagai ahli majlis fatwa disumbangkan untuk pembangunan pondok. Dalam memperjuangkan Islam

<sup>26</sup> Temu bual bersama Ishaq syirazi bin Abdul Latif ( anak sulong Pak Teh ). Pada 6hb.Feb.2018 jam 2.30 ptg bertempat di Pondok Pak Teh

<sup>27</sup> *Tawajjuh* berarti *taqabbala* atau berhadapan, dalam Tarekat istilah ini bererti temu muka. Menurut H.A.Fuad Said dalam kitabnya “Istilah Tarekat Naqsyabandiyyah” bahawa *tawajjuh* adalah sejumlah murid-murid duduk dalam satu majlis berbentuk bulatan dengan dipimpin seorang Syeikh untuk mengetuai zikir. Lihat : Asmal May (2001) Corak Tasawuf Syeikh Jalaluddin, Pekan baru Susqa Press , h.11 *Tawajjuh* yang dilakukan oleh kumpulan ini adalah menyamai dengan Tarekat Naqsyabandiyyah iaitu melakukan suatu amalan pada malam tertentu, dengan metode yang biasa dilakukan dipimpin oleh seorang syeikh yang berbentuk bulatan, menutup kepala dengan kain putih atau serban, duduk bertelimpuh, menundukkan kepala sambil berzikir. Dengan melakukan zikir, tasbih dan tahlil yang dipandu oleh seorang syeikh. Metode berzikir dalam Tarekat Naqsyabandiyyah di kalangan pengikutnya adalah meninggalkan zikir dengan lisan dan mengutamakan zikir dalam hati sebagai gantinya. Lihat Abdurrahman (1999)Dimansyah. Menguak Dunia Tasawuf Tarekat Naqsyabandy. Surakarta:Yayasan Al-Madinah, h.33.

yang dicintainya, beliau tidak menghiraukan batasan politik kerana beranggapan semua yang dilakukannya adalah untuk kepentingan Islam. Buktinya ialah beliau tidak menolak sebarang undangan ceramah kepada sesiapa sahaja sama ada badan kerajaan mahupun bukan kerajaan.

Sebagai seorang pendidik dan pendakwah, beliau mempunyai sifat yang sangat penyabar. Kesabaran yang dimiliki menjadikannya seorang yang tenang ketika menghadapi satu-satu masalah, terutama masalah yang berkaitan dengan madrasah (masalah kewangan) ataupun perkara yang berkaitan dengan persoalan agama yang memerlukan pendapat dan pandangan beliau. Menurut Zairil (2017), pernah satu ketika salah seorang pelajar pondok mencabut dan membuang pokok serai yang di taman di kebunnya kerana disangkanya lalang. Beliau tidak memarahi pelajar tersebut malahan tersenyum melihat telatahnya.<sup>28</sup> Selain dari itu beliau juga seorang yang sangat istiqamah dengan sesuatu amalan yang dilakukan seperti puasa sunat, sembahyang sunat duha, sembahyang malam dan zikir hariannya. Beliau tidak pernah meninggalkan amalan tersebut.

Berkaitan kepintaran Tuan Guru Haji Abdul Latif pula, menurut Taib (20118), beliau merupakan seorang pelajar yang pintar kerana memiliki ingatan yang kuat. Apa sahaja yang dipelajarinya sangat mudah dihafal. Menurut Taib lagi, kerana kepintarannya beliau dilantik menjadi orang kanan kepada gurunya dan turut menjadi rujukan kepada pelajar-pelajar yang ingin mengetahui sesuatu ilmu pengetahuan.<sup>29</sup>

Oleh kerana kepintarannya, beliau berupaya menguasai pelbagai ilmu pengetahuan. Ini adalah suatu keistimewaan yang dimilikinya. Ilmu yang dimiliki terhimpun dalam lima perkara.

- a. Ilmu dan maklumat bahasa. Tuan Guru Haji Abdul Latif memang terkenal dengan seorang yang mahir dalam bahasa Arab semenjak di Sekolah Arab (sistem pondok) lagi. Beliau juga berkeupayaan berkomunikasi dalam bahasa Arab *Ammiah*.<sup>30</sup>
- b. Ilmu dan maklumat sejarah. Beliau amat meminati sejarah terutama sejarah Islam. Hal ini jelas apabila mengajar tafsir berkaitan kemusnahan umat-umat terdahulu, beliau akan menceritakan sejarah bagaimana kemusnahannya terjadi.<sup>31</sup>
- c. Ilmu dan maklumat kemanusiaan. Hal ini dapat dibuktikan melalui banyaknya *rehlah* dan luas pengalamannya.<sup>32</sup> Melalui *rehlah* dan luas pengalaman yang di milikinya sudah pasti beliau mempunyai cara tersendiri dalam menyampaikan risalah dakwah dengan lebih berkesan. Beliau juga memahami *waqi`* setempat.<sup>33</sup>
- d. Ilmu dan maklumat pemikiran. Keilmuan Tuan Guru Haji Abdul Latif dalam menguasai ilmu ini dapat diketahui melalui tutur kata yang disampaikan kepada pelajarnya serta mempunyai nilai yang tinggi dan mencerminkan betapa mendalamnya ilmu dan pengetahuan beliau. Ucapan beliau begitu segar di bawah aliran pengetahuan yang mantap dan teguh berpandukan akal yang sihat.<sup>34</sup>

<sup>28</sup>Temu bual bersama Zairil. *Op.cit*

<sup>29</sup>Temu bual bersama Taib Azamuddin. Pada 23. November 2018. Jam 3.00 ptg. Bertempat di rumahnya Baling Kedah.

<sup>30</sup>Temu bual bersama Mad Dali bin Razali. *Op.cit*

<sup>31</sup>Temu bual bersama Fakhri bin Abdullah. *Op.cit*

<sup>32</sup>Temubual bersama Mad Dali bin Razali. *Op.cit*

<sup>33</sup>*Ibid*

<sup>34</sup><https://www.youtube.com/watch?v=-7D1JAu6now>



- e. Ilmu dan maklumat realiti. Tuan Guru Haji Abdul Latif amat peka terhadap maklumat terkini terutama isu-isu yang melibatkan para pendakwah.<sup>35</sup> Dengan penguasaan tersebut, beliau mampu menyelesaikan masalah melalui pendekatannya tersendiri. Ini dapat dibuktikan melalui pendekatan yang digunakan ketika berdakwah kepada golongan Islam Jamaah.

Seterusnya, Tuan Guru Haji Abdul Latif sentiasa hidup dengan zikrullah hasil didikan dan tarbiah guru-gurunya yang sentiasa *istiqamah* dalam melakukan sesuatu ibadat kepada Allah SWT. Sebab itu, membaca al-Quran, sembahyang malam, berpuasa sunat dan zikir menjadi rutin hariannya. Tuan Guru Haji Abdul Latif sering tidak tidur malam kerana beribadat kepada Allah SWT.<sup>36</sup>

Dapatlah difahami di sini bahawa Tuan Guru Haji Abdul Latif merupakan seorang tokoh ilmuwan negeri Perak yang kaya dengan sikap terpuji yang susah dicontohi oleh masyarakat masa kini. Malahan masyarakat setempat amat terkesan dengan sikap terpuji nya. Kehidupan beliau mencerminkan seorang yang beriltizam dan melazimi amalan hariannya. Hal ini menunjukkan bahawa asas *ruhiyyah*nya amat kuat dengan disertakan keilmuan yang luas. Keadaan ini menguatkan lagi kerohaniannya.

### SUMBANGAN TUAN GURU HAJI ABDUL LATIF DALAM DAKWAH

Dakwah ialah suatu tuntutan yang mesti dilaksanakan dalam Islam. Usaha murni seorang pendakwah dalam menyebarkan dakwah kepada kumpulan sasaran mestilah mempunyai bekalan yang mencukupi serta dakwah nya berpandukan ajaran al-Quran dan hadis Nabi Muhammad S.A.W kerana wasilah yang banyak terdapat dalam keduanya.

Bahkan kita akan mendapati di dalamnya terdapat pelbagai wasilah seperti panduan, nur, hidayah, rahmat dan zikir. Malahan digalakkan membacanya demi mencapai *wasilah* yang paling *afdhal* untuk mendapatkan bekalan iman dan takwa kepada Allah. Keimanan dan ketakwaan adalah bekalan utama dalam menjalankan usaha murni ini serta ianya merupakan bekalan terbaik.<sup>37</sup>

Setiap pendakwah perlu mengetahui matlamat dakwah yang jelas dan metode penyampaian yang baik. Menurut Abdul Munir tanpa matlamat yang jelas bagi mengenal pasti kumpulan sasaran dakwah dan tanpa penggunaan metode penyampaian yang berkesan menyebabkan mesej dakwah kurang diterima oleh masyarakat.<sup>38</sup>

Menurut Abdul Munir lagi dakwah boleh diertikan dengan pelbagai pengertian dan meliputi dua aspek iaitu aspek istilah dan aspek bahasa. Dari segi istilah bahasa Arab perkataan “dakwah” diambil dari kata *da`a*, *yad`u*, *da`watan*, *da`wan*, *du`aan*. Manakala dakwah pada bahasa bermaksud usaha mengerjakan semua suruhan Allah dan meninggalkan sesuatu yang ditegah.<sup>39</sup>

<sup>35</sup> Temubual bersama Mad Dali bin Razali. *Op.cit*

<sup>36</sup> Temubual bersama Zairil. *Op.cit*

<sup>37</sup> Mustafa Masyhur (2009) *Bekalan di sepanjang jalan da`wah*. Shah Alam. Dewan Pustaka Fajar. Hal 9

<sup>38</sup> Abdul Munir (2014) *Dakwah suatu tuntutan dalam Islam*. Tanjong Malim. UPSI. Hal 1

<sup>39</sup> Ibnu Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram, (1968), *Lisan al –, Arab*, j.14, Beirut: al-Dār al-Fikr. h. 257 – 261.

Ibn Manzur pula memberi pengertian dakwah sebagai menyeru, memanggil, membawa, memandu, menjemput dan mengajak.<sup>40</sup> Ada juga pendapat yang mengertikan dakwah dengan ajakan dan seruan yang ditujukan kepada manusia oleh Allah dan rasul-Nya supaya beriman dan yakin kepada agama yang benar iaitu agama Islam.<sup>41</sup> Manakala al-Quran pula mengertikan dakwah dengan panggilan ke jalan Allah SWT.

Firman Allah SWT:

المشركين من أنا وما لله وسبحن أتبعني ومن أنا بصيرة على الله إلى أدعو أسبيلي هذه قل

Maksudnya :

*Katakanlah (Wahai Muhammad): "Inilah jalan ku, Aku dan orang-orang yang menurut ku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata.*

(Surah Yusuf : ayat 108 )

Yang dimaksudkan dengan ajakan ke jalan Allah ialah ke jalan agama Islam, agama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Firman Allah SWT :

هم بغيا العلم جاءهم ما بعد من إلا الكتب أتوا الذين اختلفوا ما إلا سلم الله عند الدين إن  
الحساب سريع الله فإن الله يتكفروا من يدي

Maksudnya :

*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.*

(Surah al-Imran: ayat 19)

Ayat di atas menunjukkan kepada kita bahawa Islam adalah objek dakwah yang merupakan unsur pertama. Nabi sebagai juru dakwah (da'i) mengajak manusia ke jalan agama Islam dan sebagai unsur dakwah yang kedua. Manakala manusia yang diajak ke jalan Islam adalah unsur dakwah yang ketiga. Rasulullah SAW menyampaikan dakwah nya menurut metode dan media wahyu. Maka metode dan media dakwah adalah unsur dakwah yang keempat. Huraian di atas menunjukkan kepada kita bahawa dakwah itu mempunyai unsur objek, juru dakwah (da'i) penerima dakwah (mad'u), metod dan media.<sup>42</sup> Al Quran banyak sekali menyatakan tuntutan dakwah seperti Firman Allah SWT:

<sup>40</sup>The Encyclopaedia of Islam (1965), j.2, New Edition, Ed. By. B. Lewis, et. al., London: Luzac &Co, Hal.168

<sup>41</sup> Abdul Karim Zaidan (2001 ) *Usul Dakwah*, Bairut. Maktabah Muassasah Risalah. Hal 213

إِلَهًا لِيَعْبُدُوا إِلَّا أَمْرًا مَرِيَمَ ابْنَتَ الْمَسِيحِ اللَّهُدُونَ مِنْ رَبَّابَاؤُرْهَبْنَهُمْ أَحْبَارَهُمْ اتَّخَذُوا  
 يُشْرِكُونَ عَمَّا سَبَّحْنَاهُ هُوَ إِلَهٌ لَا وَاحِدٌ

Maksudnya :

*mereka menjadikan pendeta-pendeta dan Ahli-ahli agama mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah, dan juga (Mereka mempertuhankan) Al-Masih Ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan yang maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia. Maha suci Allah dari apa yang mereka sekutu kan.*

(Surah at-Taubah: ayat 31)

Firman Allah SWT:

الْمُفْلِحُونَ هُمْ وَأَوْلَاتِكَ الْمُنْكَرِ عَنِ وَيَنْهَوْنَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَأْمُرُونَ بِالْخَيْرِ إِلَى يَدْعُونَ أُمَّةً مِنْكُمْ وَلَتَكُنَّ



Maksudnya :

*dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.*

(Surah al-Ali Imran: ayat 104)

Difahami daripada ayat-ayat di atas, tuntutan dakwah adalah bertujuan untuk menyelamatkan diri dari azab Allah, membezakan mukmin dan munafik, keutuhan ummah dan menjadikan seorang mukmin sejati. Turut difahami daripada ayat di atas ialah terdapat dua kefarduan dalam dakwah iaitu fardu Ain dan kifayah. Sehingga kini perbincangan mengenai hukum melaksanakan dakwah kepada masyarakat belum dapat ditentukan dengan jelas sama ada fardu Ain atau kifayah. Jika dibuat penelitian dari ayat al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW, tiada keterangan yang jelas tentang hukum dakwah kepada orang ramai. Oleh yang demikian para ulama berselisih pendapat mengenainya.<sup>43</sup> Pada makalah ini pengkaji tidak bertujuan menyatakan perselisihan tersebut kerana menumpukan kepada dakwah Tuan Guru haji Abdul Latif dan pendekatan atau metode dakwah beliau.

## MEMBENTERAS AJARAN SESAT

Sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W hinggalah ke hari ini, umat Islam tidak pernah sunyi daripada berhadapan dengan isu penyelewengan akidah dan penyebaran ajaran sesat. Ajaran sesat didefinisikan sebagai suatu ajaran salah, penyelewengan akidah, sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam mahupun bukan Islam. Pengamal ajaran sesat ini

<sup>43</sup>Abdul Munir (2014) *Ibid*. Hal 30

mendakwa ajaran yang dibawanya itu adalah ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran atau amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta bercanggah dengan akidah dan syariat Islam.<sup>44</sup>

Definisi ini juga merangkumi tiga dimensi utama dalam tasawur Islam iaitu 'aqidah, shari'ah dan akhlaq yang tersirat di dalamnya.<sup>45</sup> Di negara kita ini khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu, pelbagai kepercayaan telah wujud sejak zaman-berzaman.

Kepercayaan yang berunsur khurafat seperti animisme dan yang mempunyai elemen Hinduisme, dapat dilihat dalam pelbagai bentuk dalam masyarakat Melayu.<sup>46</sup> Istilah animisme dalam bahasa Arab disebut sebagai *ruhiyyah* atau *ehyaiyyah*.<sup>47</sup>

Penyebaran ajaran sesat dapat dihalang sekiranya setiap individu Muslim meningkatkan pengetahuan agama dengan mendalam dan menerusi cara yang betul serta mengelak diri daripada dipengaruhi oleh kumpulan tertentu yang kebanyakannya mempunyai agenda tersendiri. Sejarah membuktikan bahawa pelopor ajaran sesat yang dikenal pasti sebagai ajaran yang paling awal bertapak di Tanah Melayu ialah ajaran Ahmad Matahari<sup>48</sup> yang lebih dikenali dengan ajaran Taslim di Kampung Seronok, Bayan Lepas Pulau Pinang pada akhir abad ke-19.

Dekad 1930an menyaksikan kewujudan beberapa ajaran yang dikhuatiri menyeleweng dari akidah Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah seperti ajaran Qadiani atau Ahmadiyah yang dilaporkan bermula di Selangor iaitu di Jeram, Sungai Tua, Sungai Buluh dan Kampung Nakhoda.<sup>49</sup> Sekitar tahun 1950an pula, muncul Ajaran Subud dan Ajaran Martabat Tujuh di Kelantan. Ajaran-ajaran ini khususnya Ajaran Martabat Tujuh telah tersebar hampir di setiap negeri di Malaysia. Dekad 1960an pula dicemari oleh perkembangan Tarekat Mufarridah, Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol dan beberapa lagi, 1970an Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya, Ajaran Nordin Putih.<sup>50</sup>

Di negeri Selangor terdapat 39 ajaran dan amalan yang difatwakan menyeleweng serta sesat. Sembilan belas daripadanya masih bergiat aktif dan tiga daripada 19 ajaran sesat yang masih aktif itu didapati mampu mengancam ketenteraman awam serta berbahaya kepada negara. Tiga ajaran tersebut adalah fahaman Syiah yang boleh menimbulkan perpecahan dalam kalangan umat Islam kerana menolak prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah, serta ajaran Millah Abraham kerana menjalankan usaha menjadikan negara baharu selain menghasut

<sup>44</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (t.t), *Kriteria dalam Ajaran Sesat*, Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad, h. 1.

<sup>45</sup> W. Mohd Azam bin Mohd Amin (2013) *Ajaran-ajaran Sesat di Malaysia*. Kertas Kerja Seminar kebangsaan Pengajian Agama dan Aqidah.USIM. Hal 3.

<sup>46</sup>Siti Zubaidah (2010) *Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang dan Perntadbiran*. Jurnal Syariah, Jil. 18, Bil. 2.

<sup>47</sup> Mu'jam al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'āsarah ed. Ahmad Mukhtār 'Abd al-Ḥamīd 'Umar: 'Ālam al-Kutub,Bairut j, 2 Hal 95.

<sup>48</sup>Tokoh yang terkenal sebagai pengasas kepada ajaran Taslim di negeri-negeri Tanah Melayu dikenali sebagai Haji Ahmad Syafie berasal dari Sumatera, Indonesia. Beliau telah *bermuzakarah* dengan seorang tokoh ulama yang bernama Syeikh Abdul Rahman al-Jarumi (Mufti Kerajaan Negeri Kedah ). Apabila ditanya oleh Syeikh Abdul Rahman mengenai Allah, Haji Ahmad menunjukkan jarinya ke matahari. Semenjak dari itu Haji Ahmad diusir dan diharamkan masuk ke negeri Kedah buat selama-lamanya serta ianya dikenali sebagai Haji Ahmad Matahari. Lihat Rahmat Saripan (1990) *Gerakkan Agama Taslim di Johor*. Jurnal Jebat 18. Hal 208.

<sup>49</sup> Siti Zubaidah (2010) *Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran*. Jurnal Syariah, Jil. 18, Bil. 2.

<sup>50</sup>Siti Zubaidah *Ibid*.

pengikutnya melakukan apa juga tindakan untuk mencapai objektif ajaran meskipun bertentangan dengan norma masyarakat. Selain itu, fahaman kumpulan militan Daesh juga didapati boleh mengancam ketenteraman awam kerana mempromosi ideologi keganasan dan merekrut anggota.<sup>51</sup>

Di Selangor terdapat juga suatu ajaran yang digelar sebagai Kumpulan Islam Jemaah yang berpangkalan di Kajang, turut dikatakan sesat.<sup>52</sup> Kumpulan ini turut difatwakan sesat oleh Majlis Fatwa negeri Perak.<sup>53</sup> Kumpulan ini dipercayai turut menyebarkan ajarannya di Pengkalan Hulu.<sup>54</sup> Menurut Siti Rani ajaran sesat yang berasal dari Kajang ini menolak sumber hukum Ijma', Qias dan melakukan *tawajjuh*<sup>55</sup>.

Mereka tidak sembahyang lima waktu secara jemaah bersama penduduk kampung Kuak Luar, melainkan bersama kumpulan mereka sahaja. Kehadiran kumpulan ajaran sesat ini amat tidak disenangi oleh Tuan Guru dan penduduk kampung. Oleh kerana Tuan Guru merupakan seorang alim lagi disegani penduduk kampung, beliau terus datang bertemu dengan ketua ajaran tersebut bersama pengikutnya dan berdialog bersama mereka.<sup>56</sup> Beliau hanya mengemukakan satu soalan sahaja iaitu, "tahu tak kitab *Minhajjul Abidin*?" Pengikut ajaran tersebut menundukkan kepala tanda tidak tahu kitab yang disebutkan oleh Tuan Guru. Beliau kemudiannya menasihati kumpulan tersebut agar menambahkan ilmu pengetahuan. Oleh kerana malu berhadapan dengan beliau, ahli kumpulan ini akhirnya meninggalkan kampung Kuak Luar.<sup>57</sup> Menurut Abdullah, pendekatan dakwah yang diguna pakai oleh Tuan Guru ini amat menginsafkan dirinya dan menyedari dirinya kekurangan ilmu. Beliau berdialog dengan tidak meninggikan suara terhadap kami ketika itu dan dalam keadaan harmoni.<sup>58</sup>

Berikut adalah wawancara pengkaji bersama beliau.

<sup>51</sup> Lihat <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2017/11/07/ajaran-sesat-selangor>

<sup>52</sup> Antara ciri-ciri ajaran Islam Jemaah ialah, menganggap najis *Mughallazah* tidak perlu disamak, melakukan solat Jumaat di rumah serta mengeluarkan hukum bahawa mana-mana binatang yang mati di kawasan/perkampungan orang Islam tidak perlu disembelih dan halal dimakan serta tidak menghormati al-Quran dengan meletakkan di tempat yang tidak sewajarnya. Lihat <http://www.sinarharian.com.my/edisi/selangor-kl/36-pengikut-kumpulan-ajaran-islam-jemaah-ditahan-1.677684>. Lihat juga Berita Nasional 23 mac 2011.

<sup>53</sup> Minit mesyuarat Fatwa negeri Perak.

<sup>54</sup> Temu bual bersama Siti Rani bertempat di rumahnya. Jam 5.30 Petang.

<sup>55</sup> *Tawajjuh* bererti *taqabbala* atau berhadapan, dalam Tarekat istilah ini bererti temu muka. Menurut H.A.Fuad Said dalam kitabnya "Istilah Tarekat Naqsyabandiyyah" bahawa *tawajjuh* adalah sejumlah murid-murid duduk dalam satu majlis berbentuk bulatan dengan dipimpin seorang Syekh untuk mengetuai zikir. Lihat : Asmal May (2001) Corak Tasawuf Syekh Jalaluddin, Pekanbaru Susqa Press , h.11 *Tawajjuh* yang dilakukan oleh kumpulan ini adalah menyamai dengan Tarekat Naqsbandiyyah iaitu melakukan suatu amalan pada malam tertentu, dengan metode yang biasa dilakukan dipimpin oleh seorang Syekh yang berbentuk bulatan, menutup kepala dengan kain putih atau serban, duduk bertelimpuh, menundukkan kepala sambil berzikir. Dengan melakukan zikir, tasbih dan tahlil yang dipandu oleh seorang Syekh .Metode berzikir dalam Tarekat Naqsbandiyyah di kalangan pengikutnya adalah meninggalkan dzikir dengan lisan dan mengutamakan zikir dalam hati sebagai gantinya. Lihat Abdurrahman (1999)Dimansyah. Menguak Dunia Tasawuf Tarekat Naqsyabandy. Surakarta: Yayasan Al-Madinah, Hal.33.

<sup>56</sup> Temu bual bersama Siti Rani pada 6hb Feb 2018 jam 6.30 petang bertempat di rumahnya Kampung Kuak Luar.

<sup>57</sup> bersama Siti Rani Ibid

<sup>58</sup> Temu bual bersama Abdullah Qasim pada 24. November 2018. Jam 2.30 bertempat di Masjid Negeri Perak

“Waktu Pak Teh datang, saya tak tahu dia orang alim kat kampung tu. Dia tanya dekat ketua kami, saya tiga empat orang kawan ada sekali waktu tu, dia tanya kami tahu tak kitab Minhaj Abidin. Ketua kami kata tak tahu. Lepas tu Pak Teh nasihat kat kami kena tambah ilmu baru tahu mana betul mana salah. Saya dengar, tengok dia cakap elok-elok dekat kami, dengan lorat dia, sampai saya rasa tenang hati, rasa nak belajar dengan dia pun ada. Pulak tu dia tak marah- marah kat kami.”<sup>59</sup>

Berdasarkan kepada kenyataan yang diberikan oleh Abdullah ini, pengkaji mendapati pendekatan dialog yang digunakan beliau amat berkesan terhadap ketua kumpulan dan pengikutnya. Pendekatan dialog dengan baik dan lembut ini dianjurkan oleh Allah SWT dengan firman-Nya :

لَا يَمَنُ أَعْلَمُ هُوَ رَبُّكَ إِنَّ أَحْسَنُ هِيَ بَاتِي وَجَدِ لَهُمُ الْحَسَنَةَ وَالْمَوْعِظَةَ بِالْحِكْمَةِ رَبِّكَ سَبِيلٌ إِلَىٰ أَدْعُ  
بِالْمُهْتَدِينَ أَعْلَمُ وَهُوَ سَبِيلُهُ عَنِ ض

Maksudnya :

*serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya tuhan mu dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*  
(Surah an-Nahl: ayat 125)

Firman Allah SWT:

تَخَشَّىٰ أَوْ يَتَذَكَّرْ لَعَلَّهُ لَيَتَأَقُولَ لَهُ فِقُولًا طَغَىٰ إِنَّهُ فِرْعَوْنُ إِلَىٰ أَذْهَبًا

Maksudnya :

*Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepada nya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut".*  
(Surah at-Taha: ayat 43-44)

<sup>59</sup>Ibid

Allah SWT juga berfirman dalam al-Quran :

هُمَّوَأَسْتَغْفِرْ عَنْهُمْ فَأَعْفُ حَوْلَكَ مِنْ لَأَنْفَضُوا الْقَلْبَ غَلِيظًا كُنْتَ وَلَوْ لَهُمْ لِنْتَ اللَّهُ مِنْ رَحْمَةٍ فِيمَا  
 ۞ الْمَتَوَكِّلِينَ حُبُّ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ فَتَوَكَّلْ عَزَمْتَ فَإِذَا الْأَمْرِ فِي وَشَاوَرَهُمْ ۝

Maksudnya :

*Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadanya.* (Surah al-Imran: ayat 159)

Hasil penelitian yang dibuat, pengkaji mendapati bahawa Tuan Guru Haji Abdul Latif memang terkenal dengan sifatnya yang lemah lembut dalam berdakwah. Kenyataan ini turut disokong oleh Siti Rani (2017), Syukri dan ramai lagi responden yang menyatakan perkara yang sama. Namun dalam bab ini pengkaji akan mengemukakan dua orang responden sahaja iaitu Siti Rani dan Syukri, kerana mereka sahaja yang menyatakan mengenai ajaran sesat secara khusus. Ada pun responden yang lain tidak menyatakannya secara khusus. Ketika menganalisis wawancara yang telah dijalankan, pengkaji mendapati ketiga-tiga mereka menyatakan perkara yang sama dan ini membuktikan kenyataan yang mereka berikan adalah benar. Kenyataan Siti Rani adalah seperti berikut :

“Pak Teh ni dia dakwah dengan lembut, dengan berhikmah lah. Dulu ada ajaran sesat kat atas bukit sana tu. Pak Teh tanya satu soalan je kat diorang tu. Orang tu tak tahu nak jawab. Bila diorang tahu je Pak Teh tu sapa, diorang malu lah dengan Pak Teh. Lama tu mackik tengok tempat tu dah tak de orang.”

Kenyataan Syukri adalah seperti berikut :

“Pak Teh ni dia dakwah dengan lembut, dia dakwah dengan mengajar ilmu, orang dekat sini saya tengok ramai yang datang pondok bila dia ajar. Dekat orang buat ajaran sesat pon dia dakwah cakap elok- elok.”

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa Tuan Guru Haji Abdul Latif telah menyumbangkan jasa yang amat besar dalam bidang dakwah dengan membanteras ajaran sesat di Pengkalan Hulu.

### **KESIMPULAN**

Matlamat penyebaran dakwah boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian, antaranya ialah mengajak manusia bertakwa dan menjauhkan kemaksiatan, meninggikan syiar Islam, menghapuskan kesyirikan, membimbing golongan jahil dan memberi peringatan. Begitu jugalah hal keadaannya kepada salah seorang ulama` yang terkenal di negeri Perak iaitu Tuan Guru Haji Abdul Latif. Beliau adalah salah seorang ulama yang memainkan peranan penting dalam dakwah dengan membanteras ajaran sesat di Pengkalan Hulu. Sememangnya sumbangan beliau dalam membanteras ajaran sesat ini merupakan suatu usaha murni yang perlu dicontohi oleh masyarakat terutama bagi mereka yang tinggal di Pengkalan Hulu. Menariknya hanya satu soalan sahaja yang dikemukakan iaitu berkenaan sebuah kitab. Oleh kerana ketua dan pengikutnya kumpulan ajaran ini mengetahui maksud yang hendak disampaikan nya maka akhirnya mereka meninggalkan Pengkalan Hulu tanpa bantuan pihak berkuasa. Pendekatan dakwah secara dialog yang digunakannya amat berkesan kepada kumpulan ini. sememangnya sumbangan beliau ini amat memberi kesan mendalam kepada pelaku amalan sesat tersebut dan penduduk kampung Pengkalan Hulu.

Sikap yang ditonjolkan menunjukkan kewibawaan beliau sebagai tokoh yang dihormati dan disegani oleh penduduk. Sebagai generasi baru yang akan menyambung risalah dakwah, perlu mencontohi dan meneladani sikap dan keperibadiannya. Justeru beliau adalah tokoh yang dikenang sampai akhirat.

### **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT tuhan sekalian alam, dengan izinnya kajian ini dapat disiapkan. Dalam penat lelah mengumpulkan maklumat berkaitan kajian, pengkaji mendapat bantuan daripada individu yang mahir dalam menjalankan penyelidikan seperti PM. Dr. Abdul Rahman bin Abdul Ghani. Beliau seorang penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar kepada pengkaji. Tidak lupa juga buat ibu tersayang Hajah Timah binti Kastubi, isteri tercinta Ema Melati binti Mohd. Alias, adik beradik dan rakan-rakan seperjuangan sekalian yang banyak membantu terutama dari segi kewangan.

### **RUJUKAN**

Al-Qurān al-Karīm.

Syeikh Abdullah b. Muhammad Basmeih (2001), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qurān*, cet. 12, Kuala Lumpur : Darul Fikr.

### **Buku**

Abd. Al-Karim (1976), *Usūl al-Da`wah*, Misr: Maktabah al-Manār al-Islamiyyah.



Abdul Munir (2014) *Dakwah suatu tuntutan dalam Islam*. Tanjong Malim. UPSI

Jabatan Mufti Negeri Perak. (tt) *Fatwa Negeri Perak 1994-2004*.

**Jurnal**

Rahmat Saripan (1990) *Gerakkan Agama Taslim di Johor*. Jurnal Jebat 18.

Siti Zubaidah (2010 )) *Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang dan Perntadbiran*. Jurnal Syariah, Jil. 18.

W. Mohd Azam bin Mohd Amin (2013) *Ajaran-ajaran Sesat di Malaysia*. Kertas Kerja Seminar kebangsaan Pengajian Agama dan Aqidah. USIM